



KHAS SEMPENA HARI ANTIDADAH KEBANGSAAN
SAYANGI DIRI, JAUHI DADAH

19 Februari 2016M/ 10 Jamadilawwal 1437H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وَهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ،

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْبَشِيرِ وَالنَّذِيرِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan iman dan taqwa kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala apa yang dilarangnya. Mudah-mudahan kita akan beroleh hidup yang aman dan bahagia, di dunia dan juga di akhirat kelak.

Pada hari yang penuh barakah ini, marilah kita sama-sama mendengar serta menghayati khutbah yang bertajuk “**Sayangi Diri, Jauhi Dadah**”.

Para tetamu Allah yang diberkati,

Gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah perlu diberi perhatian serius kerana ia merupakan masalah ummah sejagat samada di peringkat nasional mahupun global, sekalipun Kerajaan telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu



negara sejak tahun 1983 lagi. Kini, setelah 32 tahun berlalu, gejala ini masih belum dapat dibendung sepenuhnya, malah semakin serius. Berdasarkan statistik yang telah direkodkan oleh Agensi AntiDadah Kebangsaan (AADK) bermula pada tahun 2010 hingga 2014, purata bagi keseluruhan kes penagih baru adalah 68,308 dan penagih tegar 32,630 kes. Ini menjadikan jumlah keseluruhan penagih adalah sebanyak 100,938 kes.

Penagihan dadah merupakan fenomena sejagat yang kini dilihat sebagai ancaman kepada kesejahteraan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Penagihan dadah merupakan penyakit psiko-bio-sosial yang boleh menyebabkan seseorang individu yang terlibat akan mengalami masalah pergantungan fizikal dan psikologi terhadap dadah. Selain itu, gejala penagihan dan pengedaran dadah boleh mengundang pelbagai tingkah laku anti sosial, anti undang-undang Negara, anti agama dan menjadikan seseorang individu itu tidak bertanggungjawab.

Saudara-saudaraku yang dikasihi,

Dadah merupakan satu istilah khas yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan dan kesejahteraan seseorang dari segi fizikal, mental dan emosi serta tingkah laku apabila disalahgunakan. Akibat dari kesan ini, seseorang yang menyalahgunakan dadah akan menjadi ketagih dan akan terus bergantung hidup kepadanya.

Kesan penyalahgunaan dadah berbeza mengikut jenisnya. Ia merangkumi dadah jenis bukan sintetik seperti *heroin, morfin, candu dan ganja* boleh menyebabkan penggunaanya merasa khayal dan mengalami sindrom penarikan (*gian*). Pengambilan dadah jenis ini melalui jarum suntikan boleh menyebabkan jangkitan penyakit bawaan darah seperti AIDS dan Hepatitis B. Di samping itu, penagih juga akan mengalami kecelaruan mental dan menjejaskan fungsi kehidupan seharian seperti pembelajaran, pekerjaan, rumah tangga dan hubungan sosial. Manakala dadah jenis sintetik seperti *syabu, pil ecstasy dan amphetamine* adalah dadah jenis perangsang. Penyalahgunaan dadah jenis ini akan mengakibatkan kesan yang lebih buruk seperti



gangguan mental, hilang kawalan diri, bertindak agresif dan tingkahlaku ganas akibat daripada emosi yang terjejas.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Islam melihat kesan dadah memusnahkan kestabilan sosial dan ummah. Bermula daripada gejala negatif penagihan dadah, ia akan merebak ke institusi keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Jika ia tidak dibendung segera, masalah itu akan mengakibatkan kehancuran ummah. Penagih dadah juga semakin jauh daripada ajaran agama kerana apabila minda dan tubuh sudah dikuasai oleh dadah, mereka akan mula berpaling daripada tanggungjawab dan menjadi hamba kepada dadah. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 195 sepertimana yang telah dibacakan pada permulaan khutbah tadi sebagaimana maksudNya :

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Oleh kerana Islam sentiasa memuliakan umatnya dan menganjurkan kehidupan yang sejahtera, maka larangan-larangan keras telah difatwakan supaya setiap individu tidak terjebak dalam kebinasaan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang kali Ke-76 telah mengeluarkan fatwa pengharaman terhadap sebarang kegiatan dan penyalahgunaan segala jenis dadah adalah haram kerana ianya boleh membawa kemudaratan dan kerosakkan pada diri.

Sehubungan itu, bagi memastikan Negara Malaysia bebas daripada dadah, kita haruslah bersatu padu menggembelng tenaga tanpa mengira perbezaan ideologi, agama dan juga bangsa. Selain dari pihak berkuasa, kitalah yang harus memainkan peranan ini sebagai satu pasukan sukarelawan yang utuh sebagaimana hadis Nabi



SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari Rahimahullah daripada Abu Musa Al-Asy'ari R.HU :

المؤمن للمؤمن كالبنيان

Maksudnya: “Mukmin yang satu dengan yang lainnya bagaikan sebuah bangunan.”
(Yang saling memperkuat antara sebahagian dengan sebahagian yang lainnya.)

Para tetamu Allah yang diberkati,

Sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, kita semua telah dipertanggungjawabkan untuk sama-sama membendung masalah ini dengan apa cara sekalipun. Ingatlah, kita akan dipersoalkan di akhirat kelak dengan apa yang telah kita lakukan. Melihat kepada permasalahan dadah yang melanda generasi muda anak bangsa kita sekarang, kita tidak seharusnya duduk bergoyang kaki bersenang lenang kerana mereka inilah penggerak masa depan dan penentu kemajuan negara. Adapun langkah-langkah bagi mengatasi gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah adalah seperti berikut :

Pertama : Memberi kesedaran didikkan agama terhadap masyarakat

Islam adalah suatu agama yang mengajar dan mendidik individu itu kembali kepada fitrah, Maka berusaha sedaya upaya untuk kembali kepada fitrah. Ini kerana mekanisme yang paling terbaik kepada seseorang insan adalah mengembalikan dirinya kepada kehidupan yang berteraskan ajaran Islam yang sebenar. Didikan agama sangat penting dalam kehidupan hari ini kerana ia akan menjadi panduan dalam kehidupan setiap insan. Dengan adanya didikan agama yang mantap ia akan menjadi benteng pertahanan diri yang kuat. Yakinlah! Setiap individu yang sentiasa memelihara hubungan serta menunaikan hak-hak Penciptanya nescaya ia akan sentiasa dinaungi serta dilindungi dari segala perbuatan yang ditegah oleh agama.

Kedua : Mengenakan hukuman berat terhadap pengedar dan penagih

Bak kata pepatah : “*Kalau Tiada Angin, Masakan Pokok Bergoyang*” peribahasa ini jelas menerangkan bahawa setiap yang berlaku sudah pasti ada punca atau penyebabnya. Maka, bagi memastikan gejala penularan najis dadah tidak terus



bermaharajalela, tindak tanduk pengedar dadah haruslah diperangi terlebih dahulu sehingga ke akar umbi oleh semua pihak.

Ketiga : Mewujudkan kerjasama di antara orang awam dan badan bukan kerajaan (NGO)

Hal ini bertujuan supaya mereka sentiasa bekerjasama bagi membanteras isu penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa terutama di kalangan golongan belia. Contohnya, masyarakat dan pihak kerajaan perlu bertindak dalam melaporkan kegiatan-kegiatan yang mencurigakan. Selain itu, dengan kecanggihan teknologi yang sedia ada kempen penggunaan sistem aplikasi *RakanCop* harus dimaksimakan penggunaannya bagi memudahkan masyarakat menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa dengan lebih pantas. Di samping itu, para pemimpin masyarakat juga harus memainkan peranan dengan menggalakkan penduduk setempat agar aktif dalam Kesatuan Rukun Tetangga (KRT) untuk memastikan masyarakat setempat tidak terjebak dengan gejala najis dadah.

Keempat : Hentikan sikap suka mencemuh dan menyisih terhadap bekas penagih

Inilah sikap segelintir kita umat Islam terhadap penagih dan bekas penagih. Sikap suka mencemuh, menghina dan tidak peduli adalah pilihan kita terhadap golongan ini. Ketahuilah perilaku seumpama ini langsung tidak membawa kebaikan kepada sesiapa. Kepada orang yang merasa diri mereka lebih baik dan suci, sikap ini sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam yang menuntut kita menyayangi saudara seIslam seperti kita kasihkan diri kita sendiri.

Saudara-saudaraku yang dikasihi sekalian,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa pengajaran penting yang dapat diambil adalah :



Pertama : Hukum penyalahgunaan dadah adalah HARAM di sisi agama Islam. Semua pihak perlu menggembleng tenaga dan bersatu padu dalam membanteras segala usaha pengedaran dadah di Negara kita.

Kedua : Penagihan dadah akan menyebabkan seseorang itu lupa diri dan mengabaikan tanggungjawab sebagai insan muslim.

Ketiga : Didikan agama yang mantap adalah mekanisme terbaik untuk membentengi diri dari terjebak dengan najis dadah.

Akhirnya marilah kita sama-sama merenungi firman Allah SWT dalam Surah At-Tahrim ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا

يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka Yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat malaikat Yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah Dalam Segala Yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan Segala Yang diperintahkan."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَبِإِيَّاسِ الصَّالِحِينَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ، وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِينَ، وَقُدُورَةِ النَّاسِ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ، وَحَافِظُوا عَلَى الطَّاعَةِ
وَحُضُورِ الْجُمُعَةِ مَعَ الْمُصَلِّينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُهُ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ
بِنَفْسِهِ وَتَنَبَّأَ بِمَلَائِكَتِهِ الْمُقَرَّبِينَ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِينَ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا،
وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ
تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوَلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِينَ قَضَوْا بِالْحَقِّ
وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سَرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا يَغِ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغِ الْمُعْتَصِمِ
بِاللَّهِ مُحَمَّدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ تَوَانِكُو الْحَاجِّ عَبْدِ الْحَلِيمِ مُعَظَّمِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ بَدَلِي
شَاهِ، وَعَلَى سَرِي قُدُوكِ بِكَيْنِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغِ تَوَانِكُو حَاجِهِ حَمِينِهِ.

اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَدِّبِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً
رَخِيَّةً، يَا رَوْوُفُ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang, kami bersyukur di atas segala nikmat dan rahmat yang Engkau kurniakan, berilah hidayah dan petunjuk kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami, kukuhkanlah perpaduan antara kami, satukanlah hati-hati kami di atas jalan-Mu, permudahkanlah segala



urusan kami, tambahkanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan akhlak yang mulia, pimpinlah kami ke jalan yang Engkau redhai, teguhkanlah iman kami dalam menempuhi segala mihnah dan ujian-Mu, kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara kami Malaysia serta negeri kami khususnya Wilayah Persekutuan. Jauhkan kami dari sebarang pergolakkan, perpecahan dan huru-hara.

رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.